

SULIT

1103/1

1103/1

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

OKTOBER

2 JAM 15 MINIT

NO KAD PENGENALAN

							-			-				
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

Nama Pelajar :

Tingkatan :



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
(CAWANGAN KELANTAN)**

**PEPERIKSAAN
PERCUBAAN SPM
TINGKATAN 5
2020**

**BAHASA MELAYU
KERTAS 1
MASA : DUA JAM LIMA BELAS MINIT**

ARAHAN:

1. *Kertas ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Bahagian A**[30 markah]****[Masa dicadangkan: 45 minit]**


Lihat grafik di bawah dengan teliti.

Huraikan pendapat anda tentang faedah koperasi sekolah kepada pelajar.

Panjang huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

FAEDAH KOPERASI SEKOLAH

- mendidik pelajar berurus niaga
- menjimatkan masa
- memudahkan pelajar membeli barangan dan mendapatkan perkhidmatan



Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Malaysia memerlukan pekerja yang cemerlang dalam usaha menjadi sebuah negara yang mampu bersaing dengan negara-negara maju yang lain.

Huraikan ciri-ciri pekerja cemerlang yang diperlukan oleh negara.

2. Generasi muda hari ini dikatakan ketandusan budi bahasa sehingga menimbulkan kegusaran pihak kerajaan kerana mereka merupakan pemimpin masa depan negara.

Jelaskan peranan ibu bapa untuk melahirkan generasi muda yang berbudi bahasa.

3. Pengguna sepatutnya mengutamakan barangan buatan Malaysia kerana hal ini akan memberikan pelbagai kebaikan kepada negara. Anda ingin menulis sebuah rencana yang berjudul 'Kepentingan Membeli Barangan Buatan Malaysia.'

Tuliskan teks rencana anda selengkapnya.

4. Kemajuan industri kraf tangan perlu diberi perhatian memandangkan penghasilan ini mampu menambahkan pendapatan negara khususnya membantu industri pelancongan.

Jelaskan langkah yang boleh dilakukan untuk memastikan kraf tangan negara berjaya menarik minat pelancong asing.

5. *Malaysia oh tanah airku,
Tanah tempat tumpah darahku,
Negeri elok amat kucinta,
Yang kupuja sepanjang masa.*

Lirik lagu 'Malaysia Tanah Airku' di atas menggambarkan rasa cinta yang mendalam kepada negara Malaysia.

Nyatakan usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk menunjukkan rasa cinta akan negara.

1103/2
BAHASA MELAYU
KERTAS 2
OKTOBER
2 JAM 30 MINIT

NO KAD PENGENALAN

						-			-				
--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

Nama Pelajar :

Tingkatan :



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
(CAWANGAN KELANTAN)**

**PEPERIKSAAN
PERCUBAAN SPM
TINGKATAN 5
2020**

**BAHASA MELAYU
KERTAS 2
MASA : DUA JAM TIGA PULUH MINIT**

ARAHAN:

1. *Kertas ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan pembangunan modal insan dan langkah-langkah kerajaan membangunkan modal insan**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Secara umumnya, pembangunan modal insan bermula sejak seseorang anak itu dilahirkan, kemudian melalui pendidikan formal yang berterusan di peringkat prasekolah seperti di Taman Didikan Kanak-Kanak (Tadika) atau Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska) seterusnya ke peringkat sekolah rendah, menengah dan yang lebih tinggi. Hal ini membabitkan pembangunan jasmani, emosi, rohani dan intelek anak-anak.

Pendidikan di peringkat sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi (IPT) memerlukan kesinambungan yang berterusan bagi membekalkan seseorang itu dengan ilmu pengetahuan dan juga kemahiran. Guru sebagai pendidik di sekolah memainkan peranan penting ke arah mewujudkan modal insan yang berilmu pengetahuan dan berkemahiran tinggi serta berakhlak terpuji. Hal ini secara tidak langsung dapat menyediakan sumber tenaga yang berkualiti. Lebih 90,000 orang pelajar yang ditaja oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) mampu menghasilkan tenaga kerja yang intelektual. Hal ini seterusnya dapat menyediakan masyarakat yang berdaya saing dalam bidang ekonomi. Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara akan menghasilkan pelajar berkualiti yang akan menjadi pemimpin pada masa hadapan. Dasar pendidikan menekankan lahirnya insan yang seimbang dan masyarakat yang tinggi nilai rohaninya. Di samping itu, penekanan kegiatan kokurikulum dalam pendidikan juga akan melahirkan masyarakat yang berdisiplin.

Pembangunan modal insan ini penting bagi meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta melahirkan rakyat berminda kelas pertama. Masyarakat yang berpengetahuan mampu berdaya saing, berbudaya kerja cemerlang dan memiliki kekuatan mental. Modal insan merupakan petunjuk penting dalam pembangunan sesebuah negara. Kita perlu sedar dalam menghadapi cabaran globalisasi, rakyat terutamanya generasi muda perlu bijak mengadun antara nilai tradisional dan kontemporari dalam usaha memajukan negara dan martabat bangsa.

Sistem pendidikan yang ditawarkan amat gagah dan cuba *melakukan transformasi* menyeluruh terhadap cara dan gaya hidup rakyat. Keadaan ini dapat menjanakan dan menempa kemajuan dalam semua bidang. Dalam membangunkan modal insan terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh masyarakat kini termasuklah salah laku rasuah yang masih menjadi amalan dalam sesetengah organisasi, jenayah berat yang kian meningkat, hubungan kekeluargaan yang kian renggang dan terlalu memberi tumpuan kepada pembangunan fizikal.

Pembinaan negara bangsa bagi sesebuah negara berbilang kaum seperti Malaysia berasaskan pembentukan dan pembangunan modal insan yang bersepadu dan seimbang. Nilai-nilai murni yang sentiasa diamalkan dalam masyarakat akan dapat membentuk sebuah negara maju dan berdaulat. Modal insan yang dibangunkan sekarang akan menjadi penjana Transformasi Nasional 2050 (TN50) dalam tempoh 30 tahun akan datang.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pentingnya Pembangunan Modal Insan'
oleh Dr. Aminuddin Mansor,
Pendidik, Mei 2017

Soalan 2 : Pemahaman**[35 markah]****Soalan 2(a) - Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *melakukan transformasi*. [2 markah]

- (ii) Pengarang mengemukakan pelbagai cabaran yang dihadapi oleh masyarakat kini dalam membangunkan modal insan.
Nyatakan cabaran-cabaran tersebut. [3 markah]

- (iii) Ibu bapa berperanan sebagai pendidik dan pembimbing anak-anak di rumah.
Pada pendapat anda, apakah peranan ibu bapa dalam membentuk sahsiah anak-anak? [4 markah]

Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Saya hayati cerita bonda tentang sejarah yang hampir memusnahkan negara ini. Kota besar itulah yang menjadi gelanggang pertumpahan darah dan korban kematian yang bukan sedikit. Semuanya berlaku angkara kejahatan terhadap salasilah tanah air yang terpecah kepada pagar-pagar perkauman yang tebal.

Justeru, saya bertekad memenuhi dahulu dada saya dengan segala ilmu pengetahuan dan pengalaman di tanah desa halaman ini sebelum saya bersedia mencampakkan diri saya di tengah gelora kota.

Saya ingin memahirkan lidah dengan bahasa ibunda kerana inilah saja khazanah warisan tinggalan bangsa yang mendiami bumi ini sejak sekian lama. Ilmu-ilmu berkaitan kewajipan perlu memenuhi dada saya sebagai benteng ampuh daripada segala anasir dan gejala hitam yang boleh meruntuhkan keperibadian sebelum bersedia untuk mengatur gerak langkah membina dunia baharu di ibu kota agung itu.

Lantas berkali-kali pesan bonda kepada saya supaya memelihara agama dan bahasa ibunda jika ingin terus dihormati dan disegani sebagai bangsa agung dan bermaruah. "Bumi ini milik kita. Nenek moyang kitalah yang berjuang dengan akal kebijaksanaan serta semangat keperwiraan untuk membebaskan tanah air ini daripada belenggu penjajah. Lebih kurang lima ratus tahun lamanya tanah watan ini dijajah oleh kuasa asing, bangsa kita merempat dan menjadi rakyat kelas ketiga di tanah air sendiri. Hak dan maruah kita dicabul, Mel."

Dipetik daripada cerpen 'Munsiy'
oleh Husna Nazri
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan petikan di atas, nyatakan cita-cita Mel sebelum berhijrah ke bandar.
[2 markah]
- (ii) Sejarah merupakan kajian mengenai seluruh perkembangan proses perubahan dan dinamika kehidupan masyarakat pada masa lalu.
Pada pendapat anda, apakah kepentingan mempelajari sejarah tanah air kepada generasi muda?
[3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** persoalan lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.
[4 markah]

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Cau Pandan anak Bubunnya,
Hendak menyerang ke Melaka;
Ada cincin berisi bunga,
Bunga berladung si air mata.

Syahadan, maka kedengaran di Melaka bahawa Cau Pandan sudah mati, sakitnya muntahkan darah, dadanya seperti kena panah. Telah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar itu, maka titah baginda, "Sungguhlah Tuan Sidi Arab ini hamba Allah keramat."

Maka beberapa puji baginda akan Tuan Sidi Arab itu dan dianugerahi baginda dengan sepertinya.

Setelah empat puluh dua tahun lamanya Sultan Muzaffar Syah di atas kerajaan, maka baginda pun mangkatlah. Maka anakanda baginda yang bernama Raja Abdullah itulah menggantikan kerajaan ayahanda baginda, gelar baginda di atas kerajaan, Sultan Mansur Syah, umur baginda tatkala *naik raja* itu dua puluh tujuh tahun. Dan baginda beristerikan anak Seri Nara Diraja yang bernama Tun Patih Nur Pualam; dan ada beranak dengan gundik baginda seorang perempuan bernama Puteri Bakal. Adapun Sultan Mansur Syah itu terlalu baik parasnya, serta dengan adilnya lagi pemurah; seorang pun raja-raja di dalam alam ini tiada sepertinya pada zaman itu.

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada'
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud rangkai kata *naik raja*.
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan petikan, nyatakan peristiwa-peristiwa yang berlaku setelah kemangkatan Sultan Muzaffar Syah.
[3 markah]
- (iii) Jatuh bangun sesebuah negara terletak di tangan remaja kini kerana mereka merupakan pewaris kepimpinan negara pada masa akan datang.

Berikan pendapat anda tentang ciri-ciri remaja berwawasan.

[3 markah]

Soalan 2(d) – Puisi Tradisional

Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

BEBERAPA PETUA HIDUP**Fikir dan Kata**

Kurang fikir, kurang siasat,
Tentu dirimu kelak tersesat.

Fikir dahulu sebelum berkata, Supaya
terelak silang sengketa.

Perkataan tajam jika dilepas,
Ibarat beringin, racun dan upas.

Kalau mulut tajam dan kasar,
Boleh ditimpa bahaya besar.

Silang Sengketa

Siapa menggemari silang sengketa,
Kelaknya pasti berdukacita.

Silang selisih jangan dicari,
Jika tersua janganlah lari.

Ilmu

Jikalau ilmu tiada sempurna,
Tiada berapa ia berguna.

Ilmu kepandaian boleh dikejar,
Asal mahu rajin belajar.

Dunia Pergaulan

Dunia ini taman pergaulan, Hendaklah
pilih sahabat dan taulan.

Manusia dikenal sifat budinya,
Dengan dilihat siapa kawannya.

Burung yang sama corak dan bulu,
Selalu sekumpul ke hilir ke hulu.

*Kalung Bunga Za'ba, 2008 Dewan
Bahasa Dan Pustaka Antologi
Sejadah Rindu Kementerian
Pendidikan Malaysia*

- (i) Berdasarkan gurindam di atas, berikan maksud *Dunia ini taman pergaulan*, Hendaklah pilih sahabat dan taulan.
[2 markah]
- (ii) Berfikir sebelum mengeluarkan kata-kata dapat mengelakkan perselisihan faham sesama manusia.
Pada pendapat anda, apakah cara-cara untuk mengelakkan perselisihan faham dalam persahabatan?
[3 markah]
- (iii) Jelaskan dua pengajaran yang terdapat dalam gurindam tersebut.
[4 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

- (a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda boleh menambahkan imbuhan, tetapi tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai nama khas.*

- (i) cerai-berai
- (ii) huru-hara
- (iii) kering-kontang
- (iv) pindah-randah
- (v) keluh-kesah
- (vi) senang-lenang

[6 markah]

- (b) *Nyatakan pola ayat bagi ayat-ayat di bawah sama ada Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA) atau Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FS).*

- (i) Keputusan yang ditetapkan oleh hakim itu muktamad.
- (ii) Nurul anak sulung guru Matematik sekolah kami.
- (iii) Adik akan ke Kuala Lumpur bersama-sama rakannya malam ini.
- (iv) Rombongan yang akan menyertai ekspedisi berkayak di Pulau Beluru telah bertolak.
- (v) Tan Sri Dato' Sri Dr Noor Hisham Abdullah Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.
- (vi) Pelakon popular itu sangat cantik ketika menghadiri majlis sidang akhbar tersebut.

[6 markah]

- (c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Pihak pengurusan syarikat telah memberikan sebuah motorsikal kepada Anuar untuk mempermudah dia berulang-alik ke tempat kerja.
- (ii) Setiap pelajar akan dibekalkan sebatang pensil, pen dan pemadam sebagai penyediaan sebelum mereka menduduki peperiksaan.

- (iii) Pada hari Ahad depan, satu ceramah berkaitan anti-dadah akan diadakan di Dewan Seri Rampai yang melibat semua pelajar tingkatan empat.

[6 markah]

- (d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Dia telah ditahan oleh penjaga keselamatan yang bertugas di pintu masuk dek kerana datang lambat.
- (ii) Amir menerima surat dari ibunya yang meminta dia kembali ke kampung kerana ayahnya sedang sakit tenat.
- (iii) Mesyuarat itu diakhiri dengan lain-lain hal yang berfokus kepada isu disiplin sekolah.

[6 markah]

- (e) Berikan satu peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud dengan peribahasa di bawah.

- (i) hati gajah sama dilapah hati kuman sama dicecah
- (ii) musuh dalam selimut
- (iii) burung terbang dipipiskan lada

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (ii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

- (a) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** nilai kemanusiaan yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 markah]

- (b) Pengarang mewujudkan peristiwa-peristiwa yang dapat dijadikan iktibar oleh pembaca. Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, jelaskan **satu** peristiwa yang dapat dijadikan iktibar.

[8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT